

## Warga emas ditahan disyaki cuba seludup barang kawalan ke negara jiran

2019-12-01,T03:54:46+08:00



**TANGKAPAN:** Suspek dan barang rampasan yang ditahan semasa serbuan dibuat.

**TAWAU :** Warga emas ditahan Pasukan Polis Marin (PPM) selepas disyaki cuba menyeludup barang kawalan ke negara jiran di jeti Logpond Tanjung Batu, di sini kelmarin.

Komander Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah 4 Sabah, ACP Mohamad Pajeri Ali berkata tangkapan dibuat selepas serbuan dilakukan oleh pasukan PPM bersama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (KDRM) dalam operasi 'Ops Interagensi' di jeti tidak diwartakan itu.

"Melalui maklumat risikan dan pemantauan anggota risikan PPM mengesahkan terdapat aktiviti penyeludupan membawa barang kawalan tanpa kebenaran di kawasan tersebut," katanya dalam kenyataan mediannya di sini semalam.

Beliau berkata, semasa serbuan dilakukan pasukan PPM dan KDRM berjaya menahan seorang lelaki tempatan berumur 62 tahun menggunakan sebuah bot no pendaftaran TW-2109/C-166/1130 bersama muatan disyaki barang kawalan.

"Hasil pemeriksaan lanjut mendapati suspek membawa 25 tong gas petroleum cecair (LPG) yang disembunyikan di dalam bot dengan ditutupi kanvas berwarna kelabu.

"Suspek juga gagal menunjukkan permit atau surat kelulusan daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwai Pengguna (KPDNHEP) ke atas semua barang LPG yang dibawanya," katanya.

Mengulas lanjut, pengakuan lisan suspek barang LPG tersebut untuk diedarkan ke Pulau Sebatik melalui jalan laut dan dipercayai akan diseludup ke negara jiran Indonesia.

Pajeri berkata, suspek beserta bot dan barang kawalan terbabit diarah ke Pangkalan Markas Operasi PPM Tawau untuk siasatan dan tindakan selanjutnya manakala nilai keseluruhan termasuk barang LPG dan bot dianggarkan RM32,000.

"Kesalahan tersebut dirujuk kepada KPDNHEP Tawau dan disiasat di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 22 (1) Akta yang sama.

"Jika sabit kesalahan boleh didenda maksimum RM1 juta atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

